

BORANG PESANAN

KONTRAKTOR / PERUNDING / PEMBEKAL: BOOSTNIAGA asfaf Telefon : 0123456789 Emel : boostniaga@gmail.com Pegawai : BOOSTNIAGA	VRN 204	No. PO : KTPC2026/0014 Tarikh Borang Pesanan : 12-06-2026 Tarikh Mula Kerja : _____ Tarikh Patut Siap Kerja : _____
--	---------	---

BUTIRAN PERKHIDMATAN	JUMLAH
SILA BEKALKAN BARANG-BARANG / JALANKAN KERJA-KERJA YANG BERIKUT DAN HANTARKAN INVOIS YANG BERKAITAN BAGI TUJUAN PEMBAYARAN; KOMPUTER RIBA UNTUK KAKITANGAN TERMA & SYARAT ADALAH SEPERTI LAMPIRAN SEBUTHARGA SILA RUJUK SEBUTHARGA :PR260600032 TARIKH : 12-06-2026 TEMPOH SIAP KERJA : 3MONTHS MINGGU TERMA BAYARAN 90% AND 10% ONCE RECEIVED PIC : TEST3 / AMIR DANIEL FETRI FARISH TEL : 04-4032420 Tempoh Waranti Barang : NA Tempoh Waranti Perkhidmatan : NA Insurans : NA Cukai Barang & Perkhidmatan : 0.00 Denda Lewat Siap Kerja : NA	RM 175,000.00

RINGGIT MALAYSIA: SERATUS TUJUH PULUH LIMA RIBU RINGGIT MALAYSIA SAHAJA HARGA TIDAK TERMASUK SST %.	RM 175,000.00
---	----------------------

PENGURUS PEROLEHAN KTPC Nama : Norni Sukriyati Musthar Head, Procurement Kulim Technology Park Corporation Sdn Bhd Tarikh : 12-06-2026	Saya, wakil sah kepada KONTRAKTOR / PEMBEKAL bersetuju menerima pesanan ini, dengan syarat seperti di lampiran; Nama : BOOSTNIAGA Tarikh : -	UNTUK KEGUNAAN KTPC Saya dengan ini mengesahkan bahawa barang-barang / kerja - kerja tersebut telah diterima / disempurnakan pada _____ ('Tarikh Siap'); Nama : Tarikh :
---	--	--

** This is computer generated document. No signature is required. **

TERMA DAN SYARAT BORANG PESANAN

Invois

1. Kontraktor/Pembekal perlu memajukan kepada KTPC tax invoice yang sah serta dokumen-dokumen sokongan yang berkaitan untuk tujuan tuntutan dan pembayaran Harga. Invois tersebut perlu dinyatakan nombor Borang Pesanan.
2. Tuntutan Harga atau mana-mana bahagian daripadanya perlu dibuat oleh Kontraktor/Pembekal selewat-lewatnya dalam tempoh satu (1) tahun dari Tarikh Siap. Kontraktor/Pembekal mengakui dan bersetuju bahawa tuntutan Harga atau mana-mana bahagian daripadanya yang dibuat selepas tempoh tersebut tidak akan dilayan oleh KTPC.
3. (Jika berkaitan) Bagi tujuan Wang Tahanan, KTPC berhak menyimpan sebahagian daripada Harga semasa dan/atau sepanjang Tempoh Waranti yang berkenaan.

Harga

1. Harga yang dinyatakan adalah tetap dan muktamad berdasarkan Butiran Perkhidmatan. Tiada pindaan dan/atau kenaikan pada Harga dibenarkan bagi sebarang perubahan dan/atau kenaikan dalam kos, antaranya kos perburuhan, bahan api, kadar tukaran mata wang, alatan dan lain-lain kos yang boleh berlaku semasa Tempoh Kerja.
2. KTPC tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang penalti yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa lanjutan daripada kelewatan Kontraktor/Pembekal untuk menjelaskan cukai atau bayaran statutori yang berkaitan.

Tempoh Kerja

1. KTPC berhak untuk melanjutkan Tarikh Patut Siap Kerja ke suatu tempoh lanjutan yang lain mengikut budi bicara KTPC sekiranya KTPC beranggapan Kontraktor/Pembekal memerlukan tempoh masa lanjutan bagi menyiapkan dan menyempurnakan kerja.
2. Walau bagaimanapun, tempoh masa lanjutan tersebut, jika ia adalah akibat daripada tindakan, kelalaian dan/atau kecuaiannya Kontraktor/Pembekal, maka tempoh masa lanjutan tersebut adalah tertakluk kepada Denda Lewat Siap seperti jumlah yang dinyatakan dalam Borang Pesanan. KTPC adalah berhak untuk menolak jumlah denda yang berkenaan dengan Harga.

Liabiliti

Kontraktor/Pembekal mengaku dan bersetuju untuk menanggung, menyelamatkan dan mempertahankan KTPC pada setiap masa daripada sebarang kos, kerugian dan apa-apa kerosakan atau kematian, kecederaan fizikal atau kerosakan harta, bagaimana sekalipun terjadi, yang menyebabkan KTPC kena tanggung atau bayar, atau dalam keadaan tertentu menyebabkan liabiliti terhadap KTPC oleh mana-mana individu termasuk syarikat, perbadanan atau lain-lain pihak lanjutan daripada kerja yang dijalankan berdasarkan Borang Pesanan ini yang berpunca daripada tindakan, kecuaiannya atau pengabaian Kontraktor/Pembekal, pekerja dan/atau ejen Kontraktor/Pembekal.

Pemeriksaan Bersama

1. Kontraktor/Pembekal dikehendaki memaklumkan kepada KTPC setelah kerja siap dan sempurna, dan pihak-pihak akan mengadakan Pemeriksaan Bersama bagi memastikan kerja tersebut menepati Butiran Perkhidmatan dan spesifikasi yang telah dipersetujui.
2. Jika KTPC mendapati:
 - o barangan, alatan, kelengkapan dan/atau perkakasan yang dibekalkan; atau
 - o pemasangan barangan, alatan, kelengkapan dan/atau perkakasan; adalah tidak seperti skop Butiran Perkhidmatan atau spesifikasi yang telah dipersetujui, KTPC berhak untuk menolak (reject) dan Kontraktor/Pembekal hendaklah mengganti, membaiki dan/atau memperbetulkan kembali mengikut Butiran Perkhidmatan atau spesifikasi yang dipersetujui dalam tempoh yang ditetapkan oleh KTPC dengan kos ditanggung sendiri oleh Kontraktor/Pembekal.
3. Jika Kontraktor/Pembekal gagal mengganti, membaiki dan/atau memperbetulkan kecacatan sedemikian, KTPC berhak mendapatkan gantian daripada pihak ketiga dan semua kos berkaitan akan ditanggung oleh Kontraktor/Pembekal.
4. KTPC berhak memotong amaun yang berkenaan daripada Harga di dalam Borang Pesanan ini atau mana-mana bahagiannya.
5. Apabila KTPC berpuas hati dengan penyempurnaan Kontraktor/Pembekal, KTPC akan membuat pengesahan Tarikh Siap.

Notis

Apa-apa notis yang dikehendaki diserahkan kepada Kontraktor/Pembekal di bawah terma dan syarat ini hendaklah dianggap memadai jika ianya dihantar melalui faks atau emel seperti butiran di dalam Borang Pesanan ini.

Klausula Umum

1. Kontraktor tidak boleh memindahkan (assigned) Borang Pesanan ini atau mana-mana peruntukan di dalamnya kepada mana-mana pihak lain (sub-contract) tanpa persetujuan bertulis terlebih dahulu daripada KTPC walau bagaimanapun, tempoh masa lanjutan tersebut, jika ia adalah akibat daripada tindakan, kelalaian dan/atau kecuaiannya Kontraktor/Pembekal, maka tempoh masa lanjutan tersebut adalah tertakluk kepada Denda Lewat Siap seperti jumlah yang dinyatakan dalam Borang Pesanan. KTPC adalah berhak untuk menolak jumlah denda yang berkenaan dengan Harga.
2. (Jika berkaitan) Kontraktor/Pembekal hendaklah mengambil dan mengekalkan insurans yang berkenaan dalam amaun yang munasabah bagi menampung liabiliti Kontraktor khususnya di bawah Borang Pesanan ini dan/atau seperti yang dikehendaki oleh undang-undang.
3. Borang Pesanan ini hendaklah ditafsir dan ditadbir mengikut Undang-Undang Malaysia.
Jika mana-mana peruntukan di dalam Borang Pesanan ini didapati tidak sah, kesahihan peruntukan-peruntukan lain yang masih berkuat kuasa tidak akan terjejas.